

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkkalith.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TH SERAH ZAKAT RM1.03JUTA KEPADA TABUNG BAITULMAL SARAWAK

KUCHING, 7 April 2017 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkan zakat berjumlah **RM1,030,264.85** bagi tahun kewangan berakhir 2016 kepada Tabung Baitulmal Sarawak dalam satu majlis ringkas di Astana Negeri, Kuching, Sarawak.

YBhg. Dato' Badlisyah Abdul Ghani, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** menyerahkan Zakat **TH** kepada Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Pembayaran zakat bagi Negeri Sarawak ini mencatatkan peningkatan sebanyak **2.02%** berbanding **RM1,009,905.14** (2015).

YBhg. Dato' Badlisyah Abdul Ghani berkata sebagai sebuah institusi Islam, **TH** menekankan aspek kelestarian ekonomi ummah dan pembayaran zakat berperanan mempertingkatkan kebajikan masyarakat dan membantu meningkatkan kegiatan ekonomi golongan asnaf.

Pembayaran zakat kepada Pusat Pungutan Zakat di seluruh negara dilaksanakan agar wang tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan asnaf miskin yang layak, dan seterusnya membantu ke arah kemampunan program-program zakat yang bakal dilaksanakan oleh Pusat Pungutan Zakat Negeri-negeri," kata beliau.

Jumlah keseluruhan pembayaran zakat **TH** 2016 terus mencatatkan peningkatan sebanyak 1.69% (RM60.3 juta) berbanding tahun sebelumnya, RM59.3 juta (2015). Dengan kenaikan ini, **TH** akan meningkatkan lagi program pengagihan zakat secara terus kepada asnaf-asnaf di seluruh negara melalui Program Iqra', Program Ehsan, Program Baiti dan Program Mobiliti. Program-program tersebut diharapkan dapat memberi manfaat secara terus kepada lebih ramai golongan sasar.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBhg. Datu Haji Abg Mohd Shibli bin Abg Mohd Naili, Pengurus Besar Tabung Baitumal Sarawak; Tuan Haji Ismail bin Haji Hanis, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak; YBhg Datu Misnu bin Taha, Yang di-Pertua Majlis Islam Sarawak, pegawai-pegawai Tabung Baitulmal Sarawak dan **TH**.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 124 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.